

# Kes penderaan seksual kritikal

**Kuala Lumpur:** Seorang pakar psikologi kanak-kanak mendakwa kes penderaan seksual kanak-kanak di negara ini berada pada tahap kritikal tetapi banyak kes tidak dilaporkan.

Pakar psikologi kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Khaidzir Ismail, berkata keengganan keluarga mangsa melaporkan kes berkenaan, antara lain berpunca daripada faktor budaya, mentaliti dan bertujuan menjaga maruah bagi mengelak diejek masyarakat sehingga menjejaskan masa depan mangsa.

"Penderaan seksual memberi gangguan emosi yang kekal kepada kanak-kanak yang tidak tahu apa dilakukan kepada mereka. Lebih menyedihkan banyak kes penderaan tidak dilaporkan," katanya.

## Perlu peka keadaan anak

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan 5,779 kes penderaan seksual kanak-kanak bagi tempoh enam tahun bermula 2010 hingga 2015 atau purata 963 kes setahun.

Prof Khaidzir berkata, ibu bapa dan masyarakat perlu lebih

peka mengenai keadaan anak mereka bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa penderaan seksual.

Ini kerana penderaan boleh berlaku di mana-mana termasuk di rumah, sekolah, taska dan taman permainan selain boleh membabitkan individu dikenali mangsa, tetapi mempunyai masalah mental.

Berdasarkan kes yang pernah dirujuk kepadanya, seorang wanita hanya menyedari anak perempuannya berusia tiga tahun didera secara seksual oleh pengasuh apabila mangsa menga-

du sakit ketika membuang air kecil.

Katanya, ibu kanak-kanak itu juga mendapati kemaluan anaknya lebam menyebabkannya mengesyaki mangsa didera secara seksual.

"Pengadu (ibu) langsung tak mengesyaki apa-apa kerana pengasuh itu perempuan.

"Penderaan tidak semestinya secara fizikal kerana 'gesture' (gerak isyarat) juga boleh memberikan kesan emosi kepada mangsa sama ada kanak-kanak atau dewasa dan kesannya akan kekal," katanya.